

# 5

## SENI ZAMAN PERTENGAHAN

### 5.1 PENGENALAN

Ahli-ahli sejarah merujuk dan menelusuri beribu-ribu tahun dahulu menyelongkari penerimaan rasmi “Empayar Rom” terhadap agama Kristian dan kepentingan era Renaisan (kelahiran semula) serta zaman pertengahan atau dikenali sebagai “Zaman Gelap”. Sepanjang tempoh berikut, mereka melihat ada kekosongan di antara era antikuiti klasik dan permulaan “Eropah Moden”. Pelbagai andaian, tafsiran dan penilaian semula dilakukan oleh ahli sejarawan seni daripada sudut perspektif yang lain.

### 5.2 SENI BIZANTIN

Dalam tahun 380, *Theodosius I* (379-395) telah mengeluarkan satu arahan sehingga menjadi pencetus kepada pembentukan Kristian sebagai agama rasmi. Pada tahun 391, satu penggubalan pengharaman terhadap sembahyang jahiliah. *Theodosius I* meninggal dunia pada tahun 395 dan kuasa diraja diserahkan kepada dua orang anaknya, iaitu *Arcadius* yang menjadi Maharaja Timur dan *Honorius* menjadi Maharaja Barat. Walaupun bagaimanapun, kuasa diraja tidak secara rasmi direkodkan, pembahagian Empayar Rom tetap berlaku pada zaman tersebut.

Apabila empayar Rom Barat runtuh, ia digantikan segera dengan empayar Rom Timur yang kekal sebagai entiti budaya seni dan politik selama beribu tahun sehingga keturunan terakhir Maharaja Rom Timur, iaitu Constantine XI yang meninggal dunia di Constantinople pada tahun 1453 semasa menentang ancaman daripada tentera-tentera Islam Turki Uthmaniyyah.

Ahli-ahli sejarah memberi nama Empayar Kristian Rom Timur atau "*Byzantium*", yakni menggunakan nama asal Constantinople dan menggunakan istilah "*Bizantin*". *Byzantium* lazimnya digunakan untuk sejarah dan budaya. Mereka menggelarkan empayar "*Rom*" ialah (*Romania*) dan diri mereka sendiri "*orang-orang Rom (Romaioi)*". Walaupun mereka bertutur dalam bahasa Yunani dan bukan Latin, Maharaja Rom Timur tidak pernah melepaskan tuntutan mereka sebagai pewaris yang sah kepada Maharaja Rom Purba.

### 5.2.1 Seni Bizantin Awal

Pemerintahan Maharaja *Justinian* menandakan berakhirnya Empayar Rom Akhir dan permulaan kepada "*Empayar Bizantin*". Pada masa itu, seni Bizantin muncul sebagai gaya yang dikenali sebagai novel (baru) dan tersendiri yang meninggalkan perkembangan, keraguan atau skeptikal terhadap agama Kristian. Seni dan seni bina di bandar naungan "*Justinianic*" adalah dinyatakan dengan kebebasan yang baru serta membawa keunikan ciptaan budaya Kristian Timur di Constantinople.

Justinian memerintahkan untuk membina dan membaik pulih lebih daripada 30 gereja dan berita tersebut tersebar luas ke seluruh Empayar Bizantin. Monumen yang paling penting dalam sejarah seni Bizantin awal adalah "*Hagia Sophia*" (Gambar 5.1), Gereja Holy Wisdom di Constantinople. Anthemius dari Tralle dan Maharaja Isidorus dari Miletus terus-menerus membina gereja untuk "*Justinian*"